

18 OCT 1998

JANGAN TERPENGARAUH DENGAN LAPORAN MEDIA ASING, KATA SULEIMAN

MACHANG, 18 Okt (Bernama) -- Timbalan Menteri Penerangan Datuk Drs Suleiman Mohamed hari ini meminta masyarakat luar bandar supaya tidak terpengaruh dengan laporan media asing khususnya CNN dan CNBC mengenai perkembangan dalam negara.

Beliau berkata, rakyat sepatutnya menggunakan media tempatan bagi memastikan mereka menerima berita yang betul mengenai setiap peristiwa yang berlaku termasuk perhimpunan haram di Kuala Lumpur.

Media asing cuba menggambarkan seolah-olah negara berada dalam keadaan kacau bilau dengan rusuhan berlaku di semua tempat dalam negara ini, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Anugerah Pelajar Cemerlang dan mesyuarat agung tahunan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan Machang, di sini.

Katanya, media asing terbabit cuba menggambarkan kerajaan Malaysia pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berada dalam keadaan tidak stabil dan tidak adil.

Beliau mengulas kenyataan yang dibuat oleh Presiden Filipina Joseph Estrada dan Presiden Indonesia B.J Habibie berhubung pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari Kabinet dan Umno.

Katanya, media asing terbabit turut menyiarkan berulang kali peristiwa yang berlaku di Kuala Lumpur itu seolah-olah ia berlaku sepanjang masa.

"Sebagai sebuah negara bebas, kita benarkan media asing membuat liputan peristiwa itu tetapi mereka mesti ada tanggungjawab dengan tidak berbohong dengan apa yang disiarkan," katanya.

-- BERNAMA

MNR RHM